



GARIS PANDUAN

PENGURUSAN PENYAKIT & KONDISI PERIODONTIUM SERTA PERI-IMPLAN PERGIGIAN

DI PERKHIDMATAN KESIHATAN
PERGIGIAN PRIMER



Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

2022



**GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENYAKIT DAN
KONDISI PERIODONTIUM
SERTA PERI-IMPLAN PERGIGIAN
DI PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN
PRIMER**

**PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2022**

Edisi Pertama 2022

Cetakan pertama 2023

© Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) KKM

Editor:

Dr. Rusmizan bin Yahaya

Dr. Lily Laura binti Azmi

Dr. Nuzul Izwan bin Omar

Diterbitkan oleh:

Program Kesihatan Pergigian

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 5, Blok E10, Kompleks E, Presint 1,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: 603-88834215

Faks: 603-88886133

Website: <http://ohd@moh.gov.my>

Facebook: <https://Dr..facebook.com/pergigiankkm>

Twitter: https://twitter.com/kkm_pergigian



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-98561-2-2

PENGHARGAAN

Dr. Noormi binti Othman

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah-Pengarah Bahagian

Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ahli Jawatankuasa

Garis Panduan Pengurusan Penyakit Dan Kondisi Periodontium
Serta Peri-Implan Pergigian Di Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer

Pihak Program Kesihatan Awam
Kementerian Kesihatan Malaysia

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih turut diucapkan kepada individu-individu yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan garis panduan ini.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang telah memberi sumbangan berupa idea, tenaga dan lain-lain bentuk sumbangan yang tidak terhingga bagi menyiapkan dokumen ini.

Penasihat
Dr. Noormi binti Othman
Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengerusi
Dr. Fauziah binti Ahmad
Pengarah
Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian,
Kementerian Kesihatan Malaysia (Disember 2021 – Mei 2022)

Kumpulan Kerja

Dr. Nurul Ashikin binti Abdullah
Pakar Pergigian Kesihatan Awam
Timbalan Pengarah
Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer
Program Kesihatan Pergigian

Dr. Rasidah binti Ayob
Pakar Perunding Periodontik dan Ketua
Perkhidmatan Kepakaran Periodontik KKM
Pusat Pakar Pergigian Seremban
Seremban, Negeri Sembilan

Dr. Badariah binti Tambi Chik
Pakar Pergigian Kesihatan Awam
Timbalan Pengarah Kesihatan
Negeri (Pergigian)
Bahagian Kesihatan Pergigian
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Dr. Siti Zaleha binti Hamzah
Pakar Perunding Pergigian dan Ketua
Perkhidmatan Kepakaran
Pergigian Penjagaan Khas KKM
Unit Pergigian Penjagaan Khas,
Hospital Kajang, Selangor

Dr. Norjehan binti Yahaya
Pakar Pergigian Penjagaan Khas
Unit Pergigian Keperluan Khas
Jabatan Bedah Mulut dan Maksilofasial
Hospital Kuala Lumpur

Dr. Yuhani binti Ahmad Yaziz
Pakar Perunding Periodontik
Unit Pakar Periodontik
Klinik Pakar Pergigian Kota Setar
Alor Setar, Kedah

Dr. Azura binti Abdullah
Pakar Pergigian Kesihatan Awam
Pegawai Pergigian Daerah
Pejabat Kesihatan Pergigian Lembah Pantai
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Dr. Rusmizan bin Yahaya
Pakar Periodontik
Unit Pakar Periodontik
Klinik Pakar Pergigian Kota Setar
Alor Setar, Kedah

Dr. Lily Laura binti Azmi
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer
Program Kesihatan Pergigian

Dr. Renukanth a/l Patabi Cheta Raman
Pakar Periodontik
Klinik Pergigian Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Dr. Siti Masnira binti Jamian
Ketua Penolong Pengarah
Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer
Program Kesihatan Pergigian

Dr. Saliha binti A. Aziz
Pakar Periodontik
Klinik Pergigian Muar
Muar, Johor

Puan Jeyandra a/p Chelliah Penyelia
Juruterapi Pergigian
Cawangan Kesihatan Pergigian Primer
Program Kesihatan Pergigian

Dr. Nuzul Izwan bin Omar
Pakar Periodontik
Unit Pakar Periodontik
Pusat Pakar Pergigian Seremban
Seremban, Negeri Sembilan

Dr. Azrita binti Imran
Pegawai Pergigian Daerah
Pejabat Pergigian Daerah Muar
Muar, Johor

PRAKATA



**PENGARAH KANAN (KESIHATAN PERGIGIAN)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Saya amat berbesar hati atas terhasilnya **Garis Panduan Pengurusan Penyakit Dan Kondisi Periodontium serta Peri-implan Pergigian Di Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer Tahun 2022** yang telah diusahakan secara kolaboratif oleh Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer dan Kepakaran Pergigian Periodontik KKM.

Seiring dengan perkembangan semasa dan teknologi bidang pergigian, terdapat beberapa isu dan cabaran seperti beban penyakit periodontium pada golongan dewasa dan warga emas yang meningkat serta keperluan rawatan implan yang semakin meluas. Justeru itu, Garis Panduan yang dibangun ini telah merangkumkan semua keperluan pengurusan pesakit dengan penyakit dan kondisi periodontium serta peri-implan pergigian ke dalam satu dokumen.

Harapan saya agar ia dapat menjadi sumber rujukan utama kepada pegawai-pegawai di penjagaan kesihatan pergigian primer dalam melaksanakan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh anggota kesihatan pergigian yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung menggembleng tenaga sehingga terhasilnya Garis Panduan ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Noormi', with a long horizontal stroke extending to the right.

Dr. Noormi binti Othman

KANDUNGAN

	Muka Surat
Penghargaan	
Prakata	
1.0 Pengenalan	1
2.0 Tinjauan Literatur	2
3.0 Skop	5
4.0 Objektif	
4.1 Umum	5
4.2 Khusus	5
5.0 Pelaksanaan	
5.1 Saringan Penyakit Periodontium	6
5.2 Saringan Peri-Implan Pergigian	12
6.0 Rujukan Pesakit	
6.1 Rujukan Kepada Pakar Periodontik	14
6.2 Rujukan Kepada Pakar Pergigian Penjagaan Khas	14
6.3 Rujukan Kepada Pakar Pergigian Kesihatan Awam	14
7.0 Latihan	15
8.0 Pemantauan dan Penilaian	15
9.0 Rujukan	16
10.0 Lampiran	
i. Lampiran A: Carta Alir 1 - Rujukan Pesakit Diabetes Mellitus Jenis 2 (T2DM) dari Klinik Kesihatan (KK) ke Klinik Pergigian	19
ii. Lampiran 1: Carta Alir 2 - Panduan Pengurusan dan Rujukan Pesakit Selepas Saringan BPE	20
iii. Lampiran 2: Nota Rujukan Pesakit Diabetes Mellitus Jenis 2 (T2DM) dari Klinik Kesihatan (KK) dan Buku Rekod Rawatan Penyakit Tidak Berjangkit Pesakit di KK	21
iv Lampiran 3: Klasifikasi Penyakit Periodontium dan Peri-Implan Pergigian 2017	23

v. Lampiran 4: Carta Alir 3 - Tatacara Aliran Kerja Pengurusan Saringan Implan Pergigian (Peringkat Perkhidmatan Primer / Pengamal Pergigian)	24
vi. Lampiran 5: <i>Cumulative Interceptive Supportive Therapy (CIST)</i>	25
vii. Lampiran 6: Carta Alir 4 - Protokol Rujukan Pesakit ke Pakar Periodontik	26
viii. Lampiran 7: Contoh Borang Rujukan Periodontik kepada Pakar Pergigian Periodontik	27
ix. Lampiran 8: Contoh Borang Rujukan kepada Pakar Pergigian Penjagaan Khas	28
x. Lampiran 9: Contoh Borang Rujukan kepada Pakar Pergigian Kesihatan Awam	30
xi. Lampiran 10: Laporan Harian bagi Hasil Kerja Pegawai Pergigian untuk Pengurusan Penyakit dan Kondisi Periodontium serta Peri-Implan Pergigian di Perkhidmatan Kesihatan Primer (BPE 00/2018 Pin.1/2022)	32
xii. Lampiran 10a: Glosari Laporan Harian bagi Hasil Kerja Pegawai Pergigian untuk Pengurusan Penyakit dan Kondisi Periodontium serta Peri-Implan Pergigian di Perkhidmatan Kesihatan Primer (BPE 00/2018 Pin.1/2022)	33
xiii. Lampiran 11: Laporan Bulanan untuk Pengurusan Penyakit dan Kondisi Periodontium serta Peri-Implan Pergigian di Perkhidmatan Kesihatan Primer (BPE 01/2018 Pin.1/ 2022)	37
xiv. Lampiran 11a: Glosari Laporan Bulanan untuk Pengurusan Penyakit dan Kondisi Periodontium serta Peri-Implan Pergigian di Perkhidmatan Kesihatan Primer (BPE 01/2018 Pin.1/ 2022)	38
xv. Lampiran 12: Senarai Singkatan	42

GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENYAKIT DAN KONDISI PERIODONTIUM SERTA PERI-IMPLAN PERGIGIAN DI PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN PRIMER

1.0 PENGENALAN

Perkhidmatan Pergigian Primer merupakan antara perkhidmatan utama yang menawarkan perkhidmatan asas pergigian termasuk saringan penyakit pergigian terutamanya ke atas pesakit luar yang hadir ke klinik pergigian.

Pada tahun 2018, *Standard Operating Procedure (SOP) "Management of Periodontal Conditions in Primary Oral Healthcare Clinics"*¹ telah diterbitkan. SOP ini menggariskan penggunaan *Basic Periodontal Examination (BPE)* sebagai kaedah dalam menilai tahap kesihatan periodontium dan skop rujukan yang sesuai bagi pesakit berumur 18 tahun dan ke atas di Malaysia.

Selaras dengan perkembangan semasa, dokumen ini dihasilkan susulan daripada pembangunan dokumen/inisiatif berikut:

- a) Panduan Diagnosis Periodontitis dan Peri-Implantitis menggunakan Klasifikasi Penyakit Periodontium dan Peri-Implan Pergigian 2017². Panduan ini telah diterbitkan untuk rujukan pelaksanaan pada tahun 2021 di mana selain penyakit periodontium, terdapat pertambahan skop iaitu komponen penyakit peri-implan pergigian yang memerlukan saringan di peringkat pergigian primer.
- b) *Clinical Practice Guidelines: "Management of Type 2 Diabetes Mellitus (6th Edition) 2020, Ministry of Health Malaysia*³
- c) Inisiatif Rujukan Pesakit Diabetes Mellitus Jenis 2 (T2DM) dari Klinik Kesihatan ke Klinik Pergigian untuk Saringan Penyakit Periodontium. Inisiatif ini dimulakan pada tahun 2022 kerana berdasarkan penerbitan *Clinical Practice Guidelines: "Management of Type 2 Diabetes Mellitus (6th Edition)*, yang menyatakan hubungan di antara diabetes dan penyakit periodontium serta pengurusan komplikasi kronik penyakit tersebut. Terdapat **keperluan untuk pengamal perubatan merujuk kes-kes diabetes kepada pengamal pergigian** sebagai sebahagian usaha penjagaan kesihatan secara **holistik** bagi pesakit yang mempunyai T2DM.

- d) Selain itu, berdasarkan kepada Pelan Strategik Kesihatan Pergigian Kebangsaan (NOHSP) 2022-2030 yang mensasarkan penilaian status kesihatan periodontium sebagai sebahagian penjagaan kesihatan pergigian inkremental terhadap golongan dewasa muda (berusia 15 hingga 29 tahun). Pelaksanaan kajian rintis terhadap murid sekolah menengah terpilih dijangka bermula tahun 2022 dan kemudian diperluaskan ke sekolah-sekolah lain.

Diharapkan dokumen ini dapat melancarkan proses pengurusan dan rujukan pesakit periodontik melalui penambahan dan penyeragaman kaedah saringan serta protokol rujukan bagi Pegawai Pergigian dan Pakar Pergigian di KKM.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Penyakit periodontium adalah sejenis penyakit inflamatori kronik yang mempunyai beban penyakit dan prevalens yang tinggi dalam kalangan penduduk di seluruh dunia⁴. Satu kajian peringkat kebangsaan di Malaysia juga telah menunjukkan bahawa 94% daripada jumlah populasi dewasa menghadapi pelbagai tahap penyakit periodontium manakala purata sebanyak 18.2% memerlukan rawatan periodontik yang kompleks⁵. Kajian tersebut juga menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak 10 kali ganda prevalens periodontitis (CPI 4) bagi kumpulan remaja berumur 15-19 tahun iaitu dari 0.3% (NOHSA 2000) kepada 3% (NOHSA 2010). Penemuan kajian di peringkat kebangsaan pada tahun 2017 mendapati hampir kesemua murid sekolah (99.6%) yang berusia 12 tahun di Malaysia mengalami gingivitis⁶. Hasil-hasil kajian terhadap kumpulan kanak-kanak sekolah dan remaja ini menjadi tumpuan Pakar Periodontik kerana pengurusan dan rawatan periodontik yang diberikan pada peringkat awal berupaya mempengaruhi dan meningkatkan kualiti hidup pesakit secara menyeluruh di samping ia adalah lebih kos efektif^{7,8} kerana mampu menjimatkan kos kerajaan untuk merawat rakyat Malaysia.

Kaedah pendekatan terkini pengurusan pesakit periodontium adalah merangkumi pencegahan jangka panjang dan rancangan rawatan spesifik yang berpandukan kepada faktor risiko bagi setiap individu pesakit periodontium yang dikenal pasti. Klasifikasi Penyakit Periodontium dan Peri-Implan Pergigian 2017⁹ adalah bercirikan “*case definition*” untuk definisi yang lebih jelas bagi status sebenar kesihatan periodontium pesakit serta aplikasi sistem multidimensi *staging and grading* penyakit periodontitis yang

menyerupai *TNM Classification* dalam penyakit kanser di bidang perubatan. Sistem ini boleh mengenal pasti individu pesakit yang memerlukan rawatan yang intensif untuk mencegah atau mengawal penyakit periodontitis untuk tempoh jangka panjang berdasarkan ukuran parameter klinikal⁹.

Selain itu, faktor risiko utama iaitu penyakit diabetes tidak terkawal dan tabiat merokok juga telah diambil kira bagi menilai kecenderungan pesakit mengalami progresi penyakit Periodontitis – *risk modifier*. Kaedah terbaru ini dijangka berupaya untuk mengenal pasti peringkat dan tahap penyakit, darjah keterukan, kompleksiti serta risiko perebakan atau progresi penyakit periodontitis¹⁰.

Hubungan Periodontitis dan Diabetes telah diterokai selama bertahun-tahun dan hubungan dua hala antara Diabetes Mellitus Jenis 2 (T2DM) dan Periodontitis telah di kenal pasti. Kajian telah menunjukkan bahawa penurunan kawalan diabetes menyebabkan peningkatan prevalens dan keterukan keradangan gingiva serta kemusnahan tisu periodontium^{11,12}. Individu yang mempunyai tahap glisemik yang tidak terkawal adalah tiga kali lebih kemungkinan mengalami periodontitis teruk berbanding dengan individu yang tidak menghidap diabetes. Diabetes juga dikenal pasti sebagai risiko dan faktor pengubah untuk periodontitis^{13,14,15}. Terkini, periodontitis telah diakui sebagai komplikasi diabetes yang keenam¹⁶. Manakala pesakit diabetes dengan periodontitis pula, mempunyai risiko yang lebih besar untuk memburukkan lagi kawalan glisemik berbanding pesakit diabetes tanpa periodontitis^{17,18,19,20}.

Selain daripada diabetes, hubung kait rapat di antara tabiat merokok dan periodontitis juga telah disokong oleh pelbagai kajian saintifik. Terdapat 2-3 kali ganda keberangkalian untuk mendapat periodontitis di kalangan perokok berbanding bukan perokok. Insiden terjadinya periodontitis adalah 4.9% dalam kalangan bukan perokok, 10.5% bagi bekas perokok dan 15.6% bagi perokok. Terdapat bukti bahawa tabiat merokok berupaya meningkatkan progresi penyakit periodontitis dan mengurangkan respon yang baik terhadap rawatan periodontik^{21,22}. Oleh itu, adalah penting bagi pegawai pergigian untuk mengambil dan merekod sejarah perubatan dan tabiat pesakit di peringkat awal untuk mengenal pasti kehadiran faktor risiko utama yang boleh mempengaruhi pengurusan pesakit periodontik.

Saringan penyakit periodontium adalah dilaksanakan dengan menggunakan *Basic Periodontal Examination (BPE)*. *BPE* dihasilkan dan diperkenalkan oleh *British Society of Periodontology (BSP)* pada tahun 1986 dan semakan terkini adalah pada tahun 2019²⁴. *BPE* adalah merupakan satu kaedah saringan periodontium yang ringkas dan cepat bagi mengesan penyakit periodontium dalam kalangan pesakit dewasa²³ dan setelah diubah suai, *BPE* ini boleh juga digunakan untuk menyaring kanak-kanak dan remaja seawal umur 7 hingga 17 tahun²⁵. Alat yang sesuai bagi menjalankan *BPE* adalah dengan menggunakan prob WHO/CPITN²⁴. Hasil daripada saringan *BPE*, pegawai pergigian dapat menentukan skor *BPE* dari skor 0 hingga ke skor 4 dan tanda *asterisk* (*) bagi menentukan keperluan rawatan pesakit. Rawatan-rawatan asas periodontik yang diperlukan adalah seperti *Oral Hygiene Education (OHE)*, kaunseling pemakanan sihat, kaunseling berhenti merokok, penskaleran, penyingkiran faktor penyebab retensi plak dan *root surface debridement* mengikut keperluan pesakit. Justeru itu, sistem rujukan yang spesifik dan garis panduan berkenaan pengurusan penyakit periodontium perlu dititik beratkan supaya setiap pesakit dapat dikenal pasti status kesihatan periodontium dan menerima rawatan yang diperlukan di samping rujukan kepada pakar yang bersesuaian.

Klasifikasi Penyakit Periodontium dan Peri-Implan Pergigian 2017 juga buat julungkalinya telah merangkumkan kesihatan dan masalah berkaitan implan pergigian iaitu komponen *peri-implant health, disease and condition*^{26,27,28,29}. Sejak kebelakangan ini, terdapat peningkatan rawatan implan pergigian yang meluas di seluruh dunia. Hasil kajian saintifik telah menunjukkan kehadiran biofilem plak pergigian memberi kesan ke atas tisu di sekeliling implan pergigian³⁰. Di samping itu, kurangnya penekanan ke atas keperluan penjagaan kebersihan implan pergigian dan ketiadaan pemantauan implan pergigian pesakit secara berkala, telah menjadi punca dan menyumbang kepada jangkitan implan pergigian. Secara tidak langsung, terdapat juga peningkatan prevalens penyakit peri-implan pergigian iaitu *peri-implant mucositis* dan *peri-implantitis*. Satu kajian tinjauan sistematik (*systematic review*) melaporkan bahawa melalui meta analisis yang telah dijalankan ke atas 11 kajian menunjukkan *estimated weighted mean prevalence* bagi penyakit *peri-implant mucositis* adalah 43% (CI:32-54%) dan 22% (CI:14-30%) bagi penyakit *peri-implantitis*³¹.

Terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa semua *peri-implantitis* bermula dari *peri-implant mucositis* sama ada dipantau secara berkala atau tidak diendahkan³². Oleh yang demikian, adalah wajar sekiranya pemeriksaan klinikal dijalankan bagi pesakit yang mempunyai implan pergigian bagi mengesan sebarang penyakit peri-implan seawal peringkat mukositis implan pergigian. Sekiranya penyakit peri-implantitis dikesan, pesakit boleh dirujuk kepada Pakar Periodontik untuk mendapatkan rawatan yang diperlukan. Malah, secara tidak langsung dapat memastikan keadaan kesihatan implan pergigian yang sihat, kekal lama dan terus berfungsi dengan baik di dalam mulut.

Secara keseluruhannya, terdapat justifikasi yang kukuh bahawa Perkhidmatan Pergigian Primer, Kementerian Kesihatan Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam menjalankan penyaringan penyakit periodontium dan peri-implan pergigian di samping memberikan rawatan-rawatan periodontik asas yang bersesuaian dan pengurusan faktor risiko utama.

3.0 SKOP

Skop garis panduan ini meliputi pelaksanaan pengurusan penyakit dan kondisi periodontium serta peri-implan pergigian di perkhidmatan kesihatan pergigian primer, dalam kalangan penduduk Malaysia, terutama yang berumur 15 tahun dan ke atas meliputi pesakit yang hadir ke klinik pergigian primer dan program *outreach*.

4.0 OBJEKTIF

4.1 Objektif Umum

Untuk menangani beban penyakit periodontium yang tinggi dan penyakit peri-implan pergigian dalam kalangan rakyat Malaysia.

4.2 Objektif Khusus

- i) Mengenal pasti tahap penyakit periodontium dan peri-implan pergigian dalam kalangan penduduk Malaysia yang hadir ke klinik pergigian primer dan program *outreach* melalui skor BPE dan memberikan rawatan/rujukan yang bersesuaian.

- ii) Mengenal pasti dan mengurus pesakit dengan penyakit periodontium kompleks bagi tujuan rujukan kepada Pakar Pergigian Periodontik berkenaan seawal mungkin.
- iii) Menjadikan BPE sebagai mekanisme bagi pengesanan awal periodontitis dalam kalangan pesakit diabetes terutamanya Diabetes Mellitus Jenis 2.
- iv) Memudahkan penilaian keperluan rawatan pesakit yang disaring.

5.0 PELAKSANAAN

Dokumen ini menjelaskan proses pelaksanaan saringan dan pengurusan pesakit dengan penyakit dan kondisi periodontium serta peri-implan pergigian yang dijalankan di peringkat Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer.

5.1 SARINGAN PENYAKIT PERIODONTIUM

5.1.1 Kaedah *Basic Periodontal Examination* (BPE)

- *Basic Periodontal Examination* (BPE) ialah kaedah saringan mudah yang digunakan untuk mengesan penyakit periodontium (**Gambarajah 1**)
- Ia tidak memberikan maklumat diagnosis penyakit periodontium sepenuhnya tetapi menunjukkan tahap penilaian dan rawatan yang diperlukan
- Pemeriksaan BPE perlu dilakukan dengan menggunakan *World Health Organization - Community Periodontal Index of Treatment Needs (WHO CPITN) probe*. Probe ini mempunyai "bola hujung" berdiameter 0.5mm dan jalur hitam dari 3.5mm hingga 5.5mm²⁴
- Jika tiada *WHO CPITN probe*, jenis *periodontal probe* lain yang mempunyai reka bentuk yang sama boleh digunakan²⁴
- Pegawai pergigian hendaklah menerangkan secara ringkas kepada pesakit berkenaan prosedur BPE dan pemproban implan akibat yang mungkin timbul seperti perdarahan dan rasa sakit/ketidakselesaan. Selain itu, sebelum menjalankan pemproban, pastikan pesakit tidak mempunyai masalah perubatan. Masalah tersebut merangkumi masalah pendarahan, contohnya *haemophilia*, pesakit yang sedang mengambil ubat cair darah seperti warfarin dan pesakit yang memerlukan antibiotik profilaksis. Langkah-langkah tambahan serta rujukan yang perlu dilaksanakan perlu merujuk kepada garis

panduan amalan klinikal KKM yang terkini dan sedia ada berkaitan masalah perubatan^{33,34} atau garis panduan antarabangsa³⁵.

- Kaedah pemilihan gigi bagi saringan pesakit berumur 18 tahun dan ke atas:

- Bahagikan gigi kepada 6 sekstan. Semua gigi dalam setiap sekstan diperiksa kecuali molar ketiga. Gigi molar ketiga yang telah tumbuh sepenuhnya boleh digunakan jika gigi molar pertama dan/atau gigi molar kedua tiada²⁴.

Kanan Atas (17 – 14)	Depan Atas (13 – 23)	Kiri Atas (24 – 27)
Kanan Bawah (47 – 44)	Depan Bawah (33 – 43)	Kiri Bawah (34 – 37)

- Bagi sekstan yang layak untuk pemeriksaan, ia mesti mengandungi sekurang-kurangnya dua (2) batang gigi. Jika hanya satu (1) batang gigi terdapat dalam sekstan, tandakan (-) pada sekstan tersebut.

- Kaedah pemilihan gigi bagi saringan pesakit berumur bawah 18 tahun:

- Saringan dilaksanakan mengikut gigi indeks²⁵ dan skor yang paling tinggi perlu direkodkan ke dalam Kad Rawatan Pesakit Am/ Sekolah (LP8 2019)

Kanan Atas (16)	Depan Atas (11)	Kiri Atas (26)
Kanan Bawah (46)	Depan Bawah (31)	Kiri Bawah (36)

- Saringan BPE ini khusus kepada pesakit yang berumur 15-17 tahun.
- Kod 0,1,2,3,4 dan * digunakan pada pesakit yang mempunyai kegigian kekal pada gigi indeks iaitu 16, 11, 26, 36, 31 dan 46, manakala kod 0,1 dan 2 sahaja digunakan pada pesakit kegigian campuran (jika masih terdapat di dalam kategori umur tersebut) pada gigi indeks yang disebutkan di atas²⁵.
- Jika gigi indeks tiada, jenis gigi bersebelahan yang sama dan yang tumbuh sepenuhnya boleh digunakan asalkan berada dalam sekstan yang sama.
- Jika kedua-dua gigi sama ada gigi indeks dan gigi jenis yang sama tiada atau tidak tumbuh sepenuhnya, maka tandakan (-) pada sekstan berkenaan.
- *Probe WHO CPITN* digerakkan secara "berjalan di sekeliling" sulkus/poket pada setiap gigi dalam setiap satu sekstan.
- Daya tekanan yang ringan iaitu sekitar 20g-25g²⁴ perlu digunakan.

Gambarajah 1: Panduan Ciri Klinikal dan Senarai Pengurusan Pesakit Mengikut Skor BPE (*Basic Periodontal Examination*)²⁴ bagi Periodontitis

KOD	CIRI KLINIKAL	KEPERLUAN RAWATAN
0 	- Gingiva sihat - Tiada perdarahan semasa pemproban - Jalur hitam prob CPITN kelihatan sepenuhnya - PPD < 3.5 mm	Tidak perlu rawatan
1 	- Perdarahan semasa pemproban - Jalur hitam prob CPITN kelihatan sepenuhnya - PPD < 3.5 mm	Motivasi dan pendidikan higin mulut
2 	- Perdarahan semasa pemproban - Faktor retentif plak (contoh: kalkulus, tampalan rungkup) - Jalur hitam prob CPITN kelihatan sepenuhnya - PPD < 3.5 mm	- Motivasi dan pendidikan higin mulut - Penskaleran dan / atau penggilapan - Pembuangan faktor retentif plak termasuk kalkulus supra dan subgingiva
3 	- Perdarahan semasa pemproban - Jalur hitam prob CPITN kelihatan separa - PPD ≥ 3.5 - ≤ 5.5 mm	(Pesakit sihat dan/atau penyakit sistemik yang boleh diurus – Jadual 2) - Motivasi dan pengajaran higin mulut - Pembuangan faktor retentif plak termasuk kalkulus supra dan subgingiva - Penskaleran dan debridmen akar (Pesakit dengan penyakit sistemik yang kompleks dan tidak dapat diurus – Jadual 2) - Motivasi dan pengajaran higin mulut - Rujukan* kepada Pakar Pergigian Penjagaan Khas *Jika tidak terdapat Pakar Pergigian Penjagaan Khas di negeri, boleh rujuk ke Pakar Periodontik
4 	- Perdarahan semasa pemproban - Jalur hitam prob CPITN TIDAK KELIHATAN - PPD > 5.5 mm	- Motivasi dan pengajaran higin mulut - Perlu rujukan kepada Pakar Periodontik
* 	- Penglibatan cabang akar - Jika ada boleh digabung dengan kod lain - Contoh dalam gambar: kod2*	- Rawatan mengikut skor (0-4) - Rujukan berdasarkan kompleksiti rawatan

5.1.2 Pelaksanaan Saringan BPE

Langkah-langkah pelaksanaan saringan Penyakit Periodontium adalah seperti di **Lampiran 1**-Carta Alir 1: Panduan Pengurusan dan Rujukan Pesakit Selepas Saringan BPE.

Bagi pesakit T2DM, setelah mereka dirujuk dari KK dan diterima oleh KP (**Lampiran A**) maka proses saringan BPE adalah seperti Carta Alir 1. Rujukan dari KK perlu mengguna pakai rujukan seperti berikut (**Lampiran 2**):

- Nota rujukan seperti di Lampiran 2 atau,
- Buku Rekod Rawatan Penyakit Tidak Berjangkit (dikenali sebagai 'buku hijau' yang digunakan oleh pesakit penyakit tidak berjangkit di KK). Buku ini terdiri daripada 2 salinan iaitu,
 - ukuran kecil salinan untuk pesakit
 - ukuran besar salinan untuk KK*

*disaran dikembalikan kepada KK oleh anggota pergigian bagi memudahkan urusan pesakit.

Jika menggunakan buku hijau untuk rujukan, Pegawai Perubatan di KK disaran menggunakan halaman Pemeriksaan Tahunan, sementara Pegawai Pergigian menggunakan halaman Maklumat Tambahan/Nota Rawatan Pesakit Luar bagi mencatat maklumat berkaitan saringan dan skor BPE.

Apabila proses saringan selesai, pengurusan pesakit yang telah disaring adalah dijalankan mengikut skor BPE (Periodontitis) (rujuk **Jadual 1, 2 dan 3**).

Jadual 1: Senarai Pengurusan Pesakit mengikut Skor BPE

Skor BPE	Keperluan Rawatan di Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer KKM	Tempoh Pantau	Peranan
Skor BPE 0	Tidak Perlu Rawatan	1x setahun	Klinik Pergigian Primer
Skor BPE 1	Pendidikan penjagaan higin mulut	Setiap 6 bulan	
Skor BPE 2	- Pendidikan penjagaan higin mulut - Penskaleran dan / atau penggilapan - Pembuangan pinggir rungkup / kalkulus subgingiva	2-4 bulan <i>recall</i> selepas selesai rawatan	
Skor BPE 3 (*Pesakit sihat dan/atau penyakit sistemik yang boleh diurus – Jadual 2)	Penilaian status periodontium dan rancangan rawatan - Jalankan <i>Initial Cause Related Therapy</i> seperti di Jadual 3 - Skor Plak Pergigian - Penilaian risiko setempat dan sistemik sebagai langkah pencegahan penyakit periodontium dan pencegahan - Penilaian semula keperluan rawatan dan status semasa periodontium	2-4 bulan <i>recall</i> selepas selesai rawatan	Klinik Pergigian Primer
Skor BPE 3 (**Pesakit dengan penyakit sistemik yang kompleks dan tidak dapat diurus – Jadual 2)	- Pendidikan penjagaan higin mulut - Rujukan kepada Pakar Pergigian Penjagaan Khas *Bagi Klinik Pergigian/Daerah yang tidak mempunyai Pakar Pergigian Penjagaan Khas/Pakar Pergigian Kesihatan Awam, pesakit boleh dirujuk kepada Pakar Periodontik yang terdekat. **Jika pesakit memerlukan <i>hospital-based dentistry care</i>, boleh juga dirujuk kepada Klinik Pakar Pergigian Penjagaan Khas terutamanya untuk negeri yang mempunyai <i>combine clinic/ visiting</i> Pakar Periodontik di Klinik Pakar Pergigian Penjagaan Khas ***Jika pesakit memerlukan bantuan <i>conscious sedation</i> atau <i>General Anaesthesia</i> (GA), boleh juga dirujuk kepada Klinik Pakar Pergigian Penjagaan Khas. Contoh kes: <i>patient with severe dental phobia requiring scaling</i>		Klinik Pakar Pergigian Penjagaan Khas
Skor BPE 4	Rujukan kepada Pakar Periodontik		Unit Pakar Periodontik

Nota: Tempoh pemantauan dan kekerapan panggilan semula pesakit ditentukan oleh penilaian setempat status poket periodontium, pendarahan semasa pemproban (*BOP*), indeks plak pergigian dan faktor risiko umum.

Jadual 2: Senarai contoh pesakit dengan penyakit sistemik yang boleh diurus di peringkat primer dan yang boleh dirujuk ke Pakar Pergigian Penjagaan Khas

Contoh Pesakit dengan penyakit sistemik	Penjelasan
Pesakit dengan penyakit sistemik yang boleh diurus di peringkat primer	Pesakit yang mempunyai masalah perubatan yang dikawal dengan baik dan tiada atau kurang risiko terhadap morbiditi dan mortaliti seperti Diabetes Mellitus Jenis 2 (contoh: bacaan HbA1c kurang dari 6.5%, bacaan <i>fasting glucose</i> di bawah 11 mmol/L), Hipertensi (contoh: bacaan BP konsisten di bawah 140/90 mmHg), Asma (contoh: pengambilan 1-2 ubat, serangan asma terkawal dan tiada sejarah kemasukan ke wad).
Pesakit dengan masalah penyakit sistemik kompleks yang boleh dirujuk ke Klinik Pakar Pergigian Penjagaan Khas (Skor BPE 3)	1. Pesakit yang mempunyai masalah perubatan yang membawa kepada risiko morbiditi dan mortaliti seperti HIV/AIDS, penyakit hematologi seperti pendarahan dan penyakit diabetes yang tidak terkawal, polifarmasi, penyakit <i>autoimmune</i> , penerima injap jantung prostetik dan sebagainya.
	2. Pesakit yang memerlukan pengurusan pelbagai disiplin daripada profesional perubatan dan pakar pergigian di hospital (<i>post radiotherapy/chemotherapy, haemophilia, Von Willebrand disease, bisphosphonate therapy</i> , pesakit yang menjalani dialisis dan sebagainya).
	3. Pesakit yang tergolong di dalam kumpulan *ASA III dan **ASA IV

**ASA III: Patients have severe systemic disease that limits activity, but not incapacitating (history of angina pectoris, myocardial infarction or cerebrovascular accident, congestive heart failure over six months ago, slight chronic obstructive pulmonary disease and, controlled insulin dependent diabetes or hypertension).*

***ASA IV: Patients have severe systemic disease that limits activity and is a constant threat to life (history of unstable angina pectoris, myocardial infarction or cerebrovascular accident within the last six months, severe congestive heart failure, moderate to severe chronic obstructive pulmonary disease and, uncontrolled insulin dependent diabetes, hypertension, epilepsy or thyroid conditions).*

Jadual 3: Rawatan Terapi Permulaan (*Initial Cause Related Therapy (ICRT)*)

<i>Initial Cause Related Therapy (ICRT)</i>	• Motivasi pesakit dan penerangan tentang penyakit periodontitis atau peri-implantitis dan lain-lain • Nasihat tentang alat dan penjagaan higin mulut mengikut kesesuaian pesakit
	• Pengurusan faktor risiko setempat seperti tampalan dengan pinggir rungup, kalkulus supra dan subgingiva, <i>ill-fitting denture</i>, pengurusan karies dan rawatan kanal akar berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Kepakaran Pergigian Restoratif
	• Nasihat dan kaunseling mengenai faktor risiko sistemik yang berkaitan seperti kawalan diabetes, tabiat merokok, diet dan stress
	• Pendebridmen akar bagi kedalaman poket periodontium 4-5mm
	• Pembuatan prostesis mengikut keperluan

5.2 SARINGAN PERI-IMPLAN PERGIGIAN

- i. Kes-kes berkaitan implan pergigian adalah menggunakan Klasifikasi Penyakit dan Kondisi Periodontium dan Peri-Implan Pergigian 2017 (**Lampiran 3**) yang meliputi:
 - *Peri-Implant Mucositis*
 - *Peri-Implantitis*
 - *Peri-Implant Soft and Hard Tissue Deficiencies (Tendency to get Peri-implantitis)*
- ii. Semasa menjalankan saringan *BPE*, sekiranya terdapat implan pergigian, pengesanan penyakit peri-implan pergigian adalah berdasarkan kepada keadaan klinikal berikut:
 - Melibatkan sekurang kurangnya satu poin dengan kedalaman poket $\geq 6\text{mm}$ semasa pemproban dijalankan sekeliling implan pergigian tersebut
 - Terdapat pendarahan semasa pemproban dijalankan
 - Terdapat pembengkakan dan / atau penanahan pada mukosa sekeliling implan pergigian
 - Kehilangan tulang $\geq 3\text{mm}$ dari paras leher implan pergigian berdasarkan radiograf

Pengurusan bagi pesakit berkaitan implan pergigian perlu merujuk **Carta Alir 2 (Lampiran 4)**: Tatacara Aliran Kerja Pengurusan Saringan Implan Pergigian (Peringkat Perkhidmatan Primer / Pengamal Pergigian) dan **Jadual 4**.

Jadual 4: Pengurusan dan rujukan pesakit berkaitan Implan Pergigian

Jenis Kes		Keperluan Rawatan	Peranan
1.	<i>Peri-Implant Diseases</i>		
	<i>Peri-Implant Mucositis (PPD ≤3mm)</i>	• Pendidikan penjagaan higin mulut dan prostesis • Penggilapan • Penskaleran jika terdapat kalkulus • Jika <i>implant threads</i> terdedah, penskaleran hanya dibuat sekiranya terdapat kalkulus • Lawatan susulan	Klinik Pergigian Primer
	<i>Peri-Implant Mucositis (PPD 4-5mm)</i>	• Pendidikan penjagaan higin mulut dan prostesis • Penggilapan dan irigasi dengan bahan antiseptik seperti <i>chlorhexidine</i> 0.2% di klinik • Nasihat penjagaan di rumah untuk cucian setempat menggunakan <i>chlorhexidine</i> 0.1% hingga 0.15% 2 kali sehari selama 3 hingga 4 minggu • Penskaleran jika terdapat kalkulus • Jika <i>implant threads</i> terdedah, penskaleran hanya dibuat sekiranya terdapat kalkulus • Lawatan susulan	Klinik Pergigian Primer
	<i>Peri-Implantitis</i>	Rujukan ke Pakar Periodontik	Unit Pakar Periodontik
2.	<i>Peri-Implant Soft and Hard Tissue Deficiencies (Tendency to get Peri-implantitis)</i>	Rujukan ke Pakar Periodontik	Unit Pakar Periodontik

Nota: Mengikut protokol *Cumulative Interceptive Supportive Therapy (CIST)*³⁶ (sila rujuk **Lampiran 5**)

6.0 RUJUKAN PESAKIT

6.1 Rujukan kepada Pakar Periodontik

- i. Pesakit yang boleh dirujuk kepada Pakar Periodontik adalah pesakit yang mempunyai:
 - a) Skor BPE 4
 - b) Klasifikasi penyakit periodontium yang sedang digunakan
 - c) *Peri-Implantitis*
 - d) *Peri-Implant Soft and Hard Tissue Deficiencies*
- ii. Proses rujukan pesakit perlu mematuhi Protokol Rujukan Pesakit Periodontik yang telah ditetapkan oleh Perkhidmatan Kepakaran Periodontik, KKM seperti di dalam Carta Alir 3 (**Lampiran 6**). Rujukan Periodontik terkini (**Lampiran 7**).
- iii. Bagi Klinik Pergigian/Daerah yang tidak mempunyai Pakar Pergigian Penjagaan Khas/Pakar Pergigian Kesihatan Awam, pesakit boleh dirujuk kepada Pakar Periodontik yang terdekat walaupun pesakit mempunyai skor BPE 3.

6.2 Rujukan kepada Pakar Pergigian Penjagaan Khas

Rujukan pesakit dengan penyakit periodontium ke Pakar Pergigian Penjagaan Khas adalah seperti berikut:

- Skor BPE 3 dengan penyakit sistemik yang kompleks dan tidak dapat diurus (Rujuk **Gambarajah 1, Jadual 1 dan 2**).
- Pegawai Pergigian yang merujuk perlu mengisi borang dengan lengkap seperti di **Lampiran 8**.

6.3 Rujukan kepada Pakar Pergigian Kesihatan Awam

Rujukan pesakit dengan penyakit periodontium ke Pakar Pergigian Kesihatan Awam melalui Unit Pakar Pergigian Kesihatan Awam (UPPKA) adalah seperti berikut:

- Pesakit dengan skor BPE 3 (tanpa penyakit sistemik kompleks) yang tidak responsif selepas 3 kali rawatan dijalankan di KP Primer
- Pegawai Pergigian yang merujuk perlu mengisi dengan lengkap Borang seperti di **Lampiran 9**

7.0 LATIHAN

Latihan dijalankan seperti berikut:

7.1 Latihan Berpusat

- Latihan berpusat dijalankan untuk melatih jurulatih (*Training of Trainers*) yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Pergigian dari setiap negeri. Latihan terdiri daripada tiga (3) hari kuliah, pembentangan/perbincangan berasaskan kes dan *standardization* (penyeragaman) menggunakan gambar rajah dan model. Topik yang dibincangkan adalah mengikut keperluan dan disesuaikan dengan kepentingan serta kemajuan ilmu periodontologi / teknologi semasa. Bekerjasama dengan Pakar Pergigian yang terlibat dalam pengurusan pesakit.

7.2 Latihan Setempat (Peringkat Negeri)

- Pegawai Pergigian yang telah dilatih kemudiannya akan menjalankan latihan susulan (*echo-training*) melibatkan Pegawai Pergigian dengan bantuan Pakar Periodontik di negeri masing-masing.
- Pihak negeri boleh melaksanakan latihan bagi melatih Pegawai-pegawai Pergigian di negeri dengan bantuan Pakar Periodontik / kepakaran terlibat di negeri masing-masing mengikut keperluan.

8.0 PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

8.1 Pemantauan dilaksanakan melalui indikator reten:

- Laporan Harian bagi Hasil Kerja Pegawai Pergigian untuk Pengurusan Penyakit dan Kondisi Periodontium serta Peri-Implan Pergigian di Perkhidmatan Kesihatan Primer (BPE 00/2018 Pin. 2022) seperti di **Lampiran 10** dan panduan glosari **Lampiran 10a**.
- Laporan Bulanan untuk Pengurusan Penyakit dan Kondisi Periodontium serta Peri-Implan Pergigian di Perkhidmatan Kesihatan Primer (BPE 01/2018 Pin. 2022) seperti di **Lampiran 11** dan panduan glosari **Lampiran 11a**.
- **Lampiran 11 (BPE 01/2018 Pin. 2022)** perlu dihantar kepada **Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer** setiap enam (6) bulan (Januari-Jun dan Januari-Disember) sebelum atau pada 10 hari bulan bulan berikutnya.

8.2 Penilaian akan dibuat berdasarkan hasil reten (BPE 01/2018 Pin. 2022) dari semasa ke semasa seperti diperlukan.

8.3 Indikator penilaian seperti berikut:

- Peratus kedatangan pesakit baru disaring BPE
- Peratus kedatangan pesakit baru disaring peri-implan pergigian
- Peratus pesakit T2DM dirujuk dari KK untuk saringan BPE
- Peratus pesakit dirujuk kepada pakar periodontik (skor 4) Peratus pesakit dirujuk kepada pakar pergigian penjagaan khas (skor BPE 3 dengan penyakit sistemik yang kompleks dan tidak dapat diurus di KP Primer)


9.0 RUJUKAN

1. *Oral Health Programme, M.O.DR., Malaysia, Management of Periodontal Conditions in Primary Oral Healthcare Clinics. 2018*
2. *Oral Health Programme, M.O.DR., Malaysia, Panduan Diagnosis Periodontitis & Peri-Implantitis Menggunakan Klasifikasi Penyakit Periodontium Dan Peri-Implan Pergigian 2017, in Edisi Pertama 2021.*
3. *Clinical Practice Guideline-Management of Type 2 Diabetes Mellitus (6th Edition) 2020*
4. Tonetti, M.S., Jepsen, S., Jin, L. and Otomo-Corgel, J., 2017. Impact of the global burden of periodontal diseases on health, nutrition and wellbeing of mankind: A call for global action. *J Clin Periodontol*, 44(5), pp.456-462
5. *Oral Health Division, Ministry of Health Malaysia. National Oral Health Survey of Adults 2010 (NOHSA 2010)*
6. *Oral Health Division, Ministry of Health Malaysia. National Oral Health Survey of Schoolchildren (NOHSS 2017)*
7. Mohd-Dom, T., Ayob, R., AbdulMuttalib, K., Aljunid, S.M. National economic burden associated with management of Periodontitis in Malaysia. *Int J Dent.* 2016;2016:1891074
8. Mohd-Dom, T., Ayob, R., Mohd-Nur, A., Abdul-Manaf, M.R., Ishak, N., AbdulMuttalib, K., Aljunid, S.M., Ahmad-Yaziz, DR., Abdul-Aziz, DR., Kasan, N. and MohdAsari, A.S., 2014. Cost analysis of periodontitis management in public sector specialist dental clinics. *BMC Oral Health*, 14(1), p.56.
9. Caton, J.G., Armitage, G., Berglundh, T., Chapple, I.L., Jepsen, S., Kornman, K.S., Mealey, B.L., Papapanou, P.N., Sanz, M. and Tonetti, M.S., 2018. A new classification scheme for periodontal and peri-implant diseases and conditions—Introduction and key changes from the 1999 classification. *Journal of periodontology*, 89, pp. S1-S8.


10. Tonetti, M.S., Greenwell, DR.. and Kornman, K.S., 2018. Staging and grading of Periodontitis: Framework and proposal of a new classification and case definition. *Journal of periodontology*, 89, pp. S159-S172.
11. Tervonen, T. & Oliver, R. C. Long-term control of diabetes mellitus and periodontitis. *J. Clin. Periodontol.* 20, 431–435 (1993).
12. Campus, G., Salem, A., Uzzau, S., Baldoni, E. & Tonolo, G. Diabetes and Periodontal Disease: A Case-Control Study. *J. Periodontol.* 76, 418–425 (2005).
